

 Khamis, Feb 08 2018

JPM nafi buka tender runding terus bina UTC

SH 8/2

PUTRAJAYA - Jabatan Perdana Menteri (JPM) menafikan pernah mengeluarkan tawaran tender rundingan terus (jemputan khas) bagi cadangan membina dan menyiapkan Kompleks Pejabat Pusat Transformasi Bandar (UTC) di Shah Alam, Selangor.

Dalam kenyataan semalam, JPM menegaskan pihaknya tidak pernah mengeluarkan sebarang tawaran rundingan

terus melalui surat, emel atau panggilan telefon bagi pembinaan Kompleks Pejabat UTC di mana-mana lokasi.

“Orang ramai dinasihatkan sentiasa waspada dan berhati-hati, dan menyemak kesahihan tawaran-tawaran seperti ini dengan menghubungi pihak kementerian atau jabatan berkaitan melalui saluran komunikasi rasmi,” katanya.
- *Bernama*